

28 JUL 1996

Cuepacs - Elaun

CUEPACS BOLEH DAPATKAN PENJELASAN DARI PERDANA MENTERI, KATA LIM

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek berharap pertemuan yang dirancangkan oleh Cuepacs dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membolehkan kesatuan itu mendapat penjelasan mengenai kenaikan beberapa elaun pegawai tinggi kerajaan yang diumumkan baru-baru ini.

Beliau berkata walaupun kerajaan sudah beberapa kali menjelaskan perkara itu kepada Cuepacs namun tidak menjadi halangan jika Cuepacs mahu mendapatkan penjelasan dari Perdana Menteri untuk gambaran sebenar.

"Saya percaya jika mereka (bertemu dengan PM), Dr Mahathir akan menjelaskan kepada Cuepacs sebab-sebab dan rasionalnya bagi kenaikan elaun itu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan pelekat kereta Kempen Anti Dadah anjuran Pemuda MCA di sini hari ini.

Cuepacs dalam mesyuarat majlisnya Khamis lepas memutuskan untuk mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri dan menghantar memorandum khas meminta supaya elaun perumahan kira-kira 400,000 kakitangan kerajaan Kumpulan Sokongan dinaikkan kepada RM230 sebulan.

Mengenai memorandum itu, Lim berkata Cuepacs boleh menghantarnya tetapi biarlah mereka memberi masa kepada Perdana Menteri untuk mengkajinya dahulu.

Imbuan Tetap Perumahan bagi Pegawai Pengurusan dan Profesional Gred 1 dinaikkan kepada RM900 sebulan sementara bagi Gred 2 RM700 sebulan.

Sebelum ini, pegawai kumpulan berkenaan menerima RM350 hingga RM750 sebagai imbuan tetap perumahan.

Lim berkata beliau tidak terlibat untuk mengatur pertemuan yang dirancangkan itu kerana Cuepacs tidak meminta beliau berbuat demikian.

Menurut beliau, penglibatannya dalam isu kenaikan gaji untuk sektor awam sebelum ini ialah kerana tidak mahu Cuepacs mengambil tindakan perusahaan yang boleh menjejaskan jentera pentadbiran dan merugikan negara.

Lim juga meminta semua pihak yang terlibat dalam isu terbaru ini terutama media massa agar tidak memperbesar-besarkannya demi kepentingan semua pihak. -- BERNAMA

MT FAZ